

REALISME MAGIS

ENSERA MARGA TIMUR DARI ST. ANTHONY

OLEH SARA BEDEN

Dalam peranan dan kesan pembacaan atas kreativiti, Sasterawan Negara (SN) A. Samad Said (1987:24) menyatakan bahawa pembacaan dapat mendorong pengarang memikirkan ceritanya sendiri. Tegasnya, setelah membaca beberapa novel serta mengetahui jalan ceritanya dengan mudah, seseorang pengarang dapat memikirkan beberapa cerita yang boleh dibentuknya sendiri. Natijahnya, pembacaan yang dilakukan oleh pengarang menyumbangkan sumber pengalaman yang berharga dalam mencetuskan idea membentuk dan mencipta karyanya dengan cara yang tersendiri.

Novel *Ensera Marga Timur dari St. Anthony* (EMTSA) secara tidak langsung merupakan hasil pembacaan karya lain daripada Jong Chian Lai. Beliau menemui novel *One Hundred Years of Solitude* (OHYOS) atau *Sumpah Tujuh Keturunan* (terjemahan) karya pengarang tersohor Amerika Latin, Gabriel Garcia Marquez. Jong menemui magis dan selirat makna OHYOS, terkena sahirnya. Novel realisme magis ini diterbitkan di Buenos Aires pada tahun 1967 dan telah menggemparkan dunia sastera Barat. Ungku Maimunah (1996: 22) menganggap bahawa OHYOS sebuah *total novel*, karya terbesar yang pernah terhasil dari bumi Amerika Latin dan merupakan karya agung abad ke-20. Novel ini masih merupakan karya yang paling banyak diperkatakan di seluruh kesusasteraan Amerika Latin. Lebih daripada itu, OHYOS dianggap sebagai kemuncak sumbangan Marquez kepada bentuk realisme magis.


OHYOS memparodikan sejarah Colombia, lebih-lebih lagi suatu peristiwa berdarah yang dikenali sebagai Pembunuhan Beramai-ramai Cienaga 1928 yang berlaku di Santa Maria Colombia. Sohaimi Abdul Aziz (2002: 148) menyatakan bahawa unsur sejarah yang telah dibawa masuk oleh Marquez ke dalam OHYOS telah melalui proses dikanonisasi, iaitu diputarbelitkan, ditokoktambahkan, dan difiksyenkan. Proses dikanonisasi dilakukan melalui teknik parodi ironik. Peristiwa Pembunuhan Beramai-ramai Cienaga 1928 telah diparodikan dan diironikkan dalam OHYOS dengan teliti dan baik sekali.

Pandangan ini jelas membuktikan bahawa OHYOS merupakan sebuah karya metafiksyen historiografik kerana sumber fakta sejarahnya sudah diparodikan. Marquez telah mengaburkan hubungan antara sejarah dengan fiksyen melalui dekonstruksi sumber lama dan melahirkan sesuatu yang berkontradiksi, di samping menyindir secara halus. Sohaimi (2002: 147) turut melihat, metafiksyen historiografik merujuk simulakrum, iaitu salinan yang sempurna dan tidak mempunyai sumber asal. Kesimulakrum OHYOS jelas apabila unsur sejarah yang dibawa masuk telah diputar belit, ditokok tambah, dan difiksyenkan, maka, sudah tidak ada lagi hubungannya dengan sumber asal.

EMTSA juga sebuah karya metafiksyen historiografik kerana Jong telah mendekonstruksi dan memfiksyenkan unsur sejarah sebenar tentang perjuangan dan hidup Rentap semasa era penjajahan James Brooke di Sarawak. Novel ini mengambil latar pada tahun 1800-an semasa pemerintahan James Brooke sehinggalah selepas merdeka. Dalam sejarah penjajahan Brooke, Rentap merupakan penentang yang hebat

kerana berjaya berapa kali menewaskan serangan Inggeris. Serangan pertama Brooke pada bulan Jun 1857 di Bukit Sadok yang merupakan kubu kuat Rentap mencapai kegagalan. Begitu juga dengan serangan kedua pada tahun 1858 yang turut membawa kegagalan. Namun demikian, dalam serangan kali ketiga pada 28 Oktober 1861, pihak Inggeris telah berjaya mengalahkan Rentap kerana kesilapannya sehingga banyak pengikutnya binasa. Rentap berundur ke Ulu Sungai Entabai sehinggalah meninggal dunia.

Peristiwa dan fakta sejarah Rentap inilah yang dimuatkan oleh pengarang dalam EMTSA tetapi telah difiksyenkan. Jong mengangkat Rentap sebagai pahlawan yang hebat dan tidak dapat dikalahkan oleh Inggeris, sebaliknya Rentap pula yang menjadi penjajah sehingga Inggeris tunduk kepadanya dan menuruti semua kemahuannya. Rentap dalam EMTSA melalui transformasi dari segi pemikiran, aksi, dan sikap baharu yang tidak lagi menentang Inggeris dengan senjata dan kekerasan. Unsur sejarah sebenarnya telah diselewengkan. Rentap memberontak terhadap pihak Inggeris dengan kuasa minda, magis, dan kebijaksanaannya.



Arts & Literature - Masterpiece ART 2015/A04
Pg = 24 - 31
NOVEMBER 2015 | DEWAN SASTERA
ctr. no = 0000274702

EMTSA juga memperlihatkan ciri pembaharuan pelbagai teknik dan tidak berplot. Menurut Panel Penilai Hadiah Sastera Kreatif Budaya Sarawak 2003/2005:

Novel ini tidak mempunyai pembahagian bab. Episod dicantum-cantum tanpa susunan seolah-olah tidak berplot. Sarat dengan pelbagai teknik, unsur budaya, ritual, mitos, dan kepercayaan. Diselitkan unsur sejarah dan imaginasi untuk mengangkat Rentap sebagai tokoh legenda ternama di Sarawak. Novel ini tidak memberikan fokus kepada watak tetapi lebih kepada peristiwa. Dari segi bahasa pula agak menarik dan banyak menggunakan bahasa Iban.

Pengarang menghadirkan subjek yang lebih menyeluruh dan mencakupi pelbagai bidang, termasuk politik, feminisme, pengorbanan, penentangan, penindasan, ekonomi, perlanggaran adat, penjajahan baharu, budaya, politik, kebijaksanaan, kuasa magis, dan arkeologi marin. Subjek politik dihadirkan secara tersirat sebagaimana yang diperankan terhadap watak Rentap. Hal ini menggambarkan bahawa bangsa Timur juga mempunyai kuasa untuk maju dan mengecap pembangunan walaupun pada era 1800-an. Pengarang meletakkan pahlawan Iban sebagai pejuang yang dapat mengalahkan pemerintahan Tuan Brooke di Kepulauan Borneo dengan adanya kuasa yang disalurkan melalui magis, akal bijak dan keajaiban milik Rentap. Brooke digambarkan tunduk dan mengikut kemahuan Rentap bagi mengelakkan bangsa Barat mendapat malu. Segala kemahuan Rentap dipenuhi walaupun Tuan Brooke mendapat tentangan hebat daripada bangsanya di Barat.

Pengarang turut menghadirkan subjek golongan terpinggir atau bawahhan yang bangun menentang kuasa Barat yang rakus menjajah manusia Timur. Pertentangan wujud antara kedua-dua golongan ini kerana perbezaan pandangan dan tujuan. Penentangan oleh golongan terpinggir yang terdiri daripada etnik Iban dilakukan dengan menggunakan kuasa minda dan magis yang diperturunkan oleh dewa kayangan. Pertentangan dalam novel ini juga dapat diertikan sebagai pertentangan pendapat antara manusia Timur dengan Barat tentang kuasa, penjajahan, ekonomi, politik, kehidupan, kemanusiaan, serta pengorbanan.

Pertentangan dalam EMTSA berlaku secara tersurat dan tersirat dengan teknik penceritaan yang berkesan. Pengarang menghadirkan subjek pembangunan yang diutamakan oleh manusia Timur melalui Rentap. Manusia Timur digambarkan mempunyai aspirasi untuk membangun dan maju walaupun pada era 1800-an. Perkara inilah yang membawa kepada kebangkitan dan penentangan oleh manusia Timur yang diwakili Rentap agar penindasan terhadap ekonomi oleh penjajah Barat dapat disekat demi kemajuan dan pembangunan bangsa Timur.


Dalam EMTSA, Jong Chian Lai turut menggunakan aliran realisme magis seperti OHYOS sebagai penciptaan naratif. Novel ini merupakan suatu cereka mimpi atau halusinasi. Cereka ini hidup antara dunia nyata (*real*) dengan tidak nyata (*unreal*) dan sengaja dibaurkan antaranya untuk menyampaikan gagasan pengarangnya.

Realisme magis ialah cantuman dua istilah, realisme dan magis. Realisme asalnya merupakan suatu aliran yang dianuti oleh gerakan sastera Barat bermula pada awal abad ke-19. Realisme merujuk suatu kaedah penulisan prosa

yang menekankan pemerian yang tepat dan rinci dalam merakamkan kehidupan sebenar manusia. Magis pula merujuk jalinan unsur fantasi, mitos atau legenda yang wujud dan berlegar dalam kenyataan atau jati diri manusianya. Mitos dan legenda juga banyak "melahirkan" dongeng yang terpancar merestui unsur dan sumber mitos dan legenda, mengabsahkan kewujudannya, seperti kisah pari-pari, manusia terbang, kelahiran atau kematian ajaib, dan makhluk di luar alam nyata. Hal ini merupakan hasil dongeng bersumberkan mitos dan legenda setempat. Unsur ghaib juga digabungkan sehingga penampilan keluarbiasaannya. Langgam penceritaan digembar-gemburkan, dilebih-lebihkan sehingga menyimpang daripada dunia nyata.

Realisme magis menyifatkan perkara aneh dalam mitos, legenda, dongeng dan ghaib sebagai sesuatu yang lumrah. Sebahagian daripada realiti harian dan tidak banyak berbeza. Aliran ini menggariskan ciri hubungan sebab musabab yang kurang ditaati, peristiwa ke peristiwa jelas namun terdapat unsur remang, peristiwa masa kini bertindih dengan masa silam, adanya hubungan dengan unsur magis, mitos, dan legenda. Perwatakan dikaitkan dengan latar dan sejarah, banyak deskripsi fikiran daripada fizikal, latar sosial mempengaruhi perkembangan jalur cerita atau pemikiran, dan sering terjadi pertentangan. Realisme magis digunakan untuk menutup pemikiran politik kerana persoalan politik terselindung dalam situasi *unreal* supaya protesnya tidak ketara. Ciri inilah yang mewarnai dan mendominasi novel EMTSA.

Dalam EMTSA, pengarang mengemukakan peristiwa pada masa kini (selepas merdeka) yang bertindih dengan peristiwa masa silam (sekitar



tahun 1800-an atau sebelum merdeka) yang berlaku sekitar tahun 1841. Peristiwa cicit Mem Rosalinda iaitu Edward Blair Jr. yang berada di tengah laut Selat Melaka pada masa kini untuk mencari khazanah bangsa moyangnya dibaurkan dan diselang-selikan dengan kisah zaman silam, yakni kisah Mem Rosalinda (seorang Iban yang meninggalkan tanah airnya) yang tinggal di Gereja St. Anthony, Brooklyn, melalui perspektif imbas kembali cicitnya. Kemudian, peristiwa masa kini tentang Edward Blair Jr. dibaurkan pula dengan imbas kembali Mem dengan Rentap di kepulauan Borneo. Peristiwa zaman

kini berselang-seli dengan peristiwa zaman silam yang diimbas kembali oleh Mem dan cicitnya, membauri novel ini dari awal hingga akhir cerita. Peristiwa ini dapat dikaitkan dengan latar masa yang sengaja dibentuk oleh pengarang. Pertindihan peristiwa masa kini (Edward), silam (Mem), dan lampau (melalui imbas kembali) merupakan ciri karya realisme magis.

Peristiwa tindih-menindih kerana plot tidak kronologis atau lebih tepatnya bersifat jungkir balik. Cerita yang dipaparkan tiada urutan masa dan latar tempatnya juga tidak tetap. Zaman kini berlatarkan dunia Barat dan Kepulauan Borneo yang sudah mengecap kemajuan dan kecanggihan selepas merdeka. Zaman silam pula berlatarkan Gereja St. Anthony di Brooklyn, kadang-kadang di Kepulauan Borneo dan adakalanya dunia sebayang, iaitu dunia selepas mati bagi masyarakat Iban melalui mimpi dan halusinasi Mem. Zaman lampau melalui kebanyakan imbas kembali Mem berlatarkan dunia "ghaib", seperti dunia dewa dewi, dunia mimpi, dan dunia realiti di rumah panjang Kerangan Panggil dan serata Kepulauan Borneo. Pengarang memanfaatkan teknik imbas kembali dengan semaksimumnya agar penceritaan menjadi lebih berkesan.

Plot novel bertindih dan berselang-seli dan kadangkala melirukan pembaca. Latar dan peristiwa yang bertindih amat menuntut pembacaan yang teliti. Jong Chian Lai menegaskan, pemaparan novel ini dalam bentuk akrostik atau teka suai bergambar (*jig-saw puzzle*) yang disengajakan untuk mencabar dirinya dan secara tidak langsung mencabar pemikiran pengkritik. Beliau menulis novel ini tanpa bab, menampilkan plot dengan subplot secara berselang-seli yang

mengelirukan pembacaan. Terlihat teknik keterpecahan seperti dislokasi¹ kerana latarnya tidak tetap.

Rentap dan Dunia Magis Iban

Pengarang mendeskripsikan dunia ghaib atau fantasi tatkala mengisahkan kebesaran dan keajaiban dewa dewi yang diagungkan oleh kaum Iban sehingga menyediakan mimpi kepada mereka untuk ke Panggau Libau. Panggau Libau ialah tempat di antara langit dan bumi yang menjadi tempat kediaman dewa dewi dalam masyarakat Iban (Jimmy, 1998:1). Kadang-kadang, dunia realiti zaman silam Mem dibaurkan dan dikaburkan dengan dunia halusinasi. Mem "memasuki" dunia sebayang, dunia selepas mati dalam kepercayaan masyarakat Iban ketika duduk di kerusi goyang. Sesungguhnya, novel ini sarat dengan deskripsi minda melalui unsur mimpi dan penceritaan tentang dunia kayangan dan kesaktian Rentap daripada alam fizikal. Deskripsi ini disampaikan dengan menggunakan teknik monolog dalaman melalui watak Mem Rosalinda yang dominan dalam novel ini.

Unsur magis dan mitos dibaurkan oleh pengarang dalam novel ini untuk menonjolkan legasi kepahlawanan dan keperwiraan Rentap dalam menghadapi penjajah Barat yang bermotifkan keuntungan dan penindasan. Kuasa magis yang dimiliki Rentap menggerunkan penjajah Barat, apatah lagi disaratkan dengan mitos, sehingga Rentap menjadi legenda dalam masyarakat Iban dan disanjung tinggi. Akhirnya, suara terpinggir bangsa Timur "menyemai" kuasanya dalam bahasa yang digeruni Barat. Jika diperhatikan, hal ini menjadi lebih menarik apabila

¹ Dislokasi (*dislocation*) bermaksud latar secara jelas boleh berlaku di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja (Mana, 2004: 17).

naratif yang penuh magis ini diceritakan daripada perspektif wanita Barat, yang pada itu juga mewakili golongan tertindas dari dunia Barat. Pengarang seakan-akan memaklumkan, banyak cerita "yang sebenar" dapat dikisahkan daripada manusia yang dahulunya ditutup oleh sejarah penjajah yang meneng.

Pengarang menghadirkan unsur magis yang pekat dalam novel ini. Rentap sebagai pahlawan agung Iban diberikan kuasa magis melalui batu azimat empias, ratoi, dan jerenang². Batu-batu ini berkuasa magis untuk memberi kekuatan, kegagahan, keberanian, dan kebijaksanaan luar biasa kepada Rentap:

Batu empias ada kuasa magis untuk menjadikan Rentap kebal atau tidak lut senjata api. Askar-askar Inggeris pernah menembak curi Rentap dengan senapan tetapi tubuhnya digambarkan tidak lut dan askar-askar itu terkencing berdiri kerana ketakutan. Kemudian Rentap ditembak dengan meriam dan mengena belakangnya. Rentap bangkit dan menjadi gergasi lalu mengangkat meriam lalu dihantar ke Groove.

(Jong, 2009: 418)

Batu ratoi menyalurkan kekuasaan pada tubuh Rentap, memberikan kekuatan atau tenaga luar biasa kepadanya. Batu jerenang yang dililit di pinggang Rentap menjadikannya bijaksana. Ilang atau pedang kepunyaan Rentap membuat ombak menjadi besar dan cuaca menjadi buruk apabila rakan Edward Blair iaitu Charles Johnson

² Dalam wawancara bersama-sama Jong pada 20 Jun 2010, empias, ratoi dan jerenang merupakan batu biasa yang tidak berwarna tetapi dipercayai mempunyai kuasa atau roh yang dapat membenarkan kuasa oleh masyarakat Iban.

menyatakan bahawa pedang itu palsu. Badan Edward Blair pula menjadi kaku apabila memegang ilang itu. Kemudian dia berasa semangat Dewa Keling Aji Berani meresap ke dalam badannya sebelum pengan dan bermimpi bertemu dengan Dewa Keling Aji Berani.

Peti yang tenggelam bersama-sama dengan Royalist III juga mempunyai kuasa magis. Apabila dibuka, angin menerpa keluar dan kedengaran bunyi *engkurumong*, *bebendai* dan gong³ seperti muzik ajaib yang dibawa oleh pedagang Gipsi dalam novel *OHYOS*. Bunyi muzik ini telah menghayalkan kru kapal Rentap. Sebuah kitab, *Hikayat Rentap*, juga berkuasa magis kerana kalis air dan masih sempurna walaupun tenggelam beratus-ratus tahun. Pokok Kayu Malam di rumah panjang Kerangan Panggil di Kepulauan Borneo juga berkuasa magis kerana pandai bersuara dan dapat memakbulkan doa orang yang tidak mempunyai anak.

Selain unsur magis, pengarang turut menghadirkan unsur mitos bagi memperkukuh elemen realisme magis novel ini. Tambahan pula beliau membuat rujukan terhadap buku *Hikayat Keling Gerasi Nading* oleh Jimmy Donald yang menceritakan legenda dan cerita kaum Iban. Jimmy Donald (1998: xi) menyatakan bahawa hikayat tersebut merupakan legenda Iban yang paling tua dan diturunkan secara lisan daripada generasi ke generasi. Hikayat tersebut mengisahkan riwayat hidup Keling iaitu anak Jenuring Nading yang tinggal di Panggau Libau, benua antara langit dengan bumi. Hikayat tersebut memuatkan kepahlawanan dan kehebatan Keling, pengembangan, penyamaran, dan perkahwinannya dengan Kumang.

Pengarang menghadirkan cerita mitos dewa dewi melalui cerita Mem

³ Menurut Jong (2010), *engkurumong*, *bebendai* dan gong merupakan alat muzik tradisional masyarakat Iban.

Rosalinda kepada cucunya, Thomas Edward Blair. Mem bercerita tentang Dewa Keling Aji Berani yang menghilang dalam kabus bersama-sama dengan Rentap. Dewa Keling dan Rentap mencari ilang dan berjalan di atas naga berkepala tujuh setelah Dewa Keling membaca mantera. Cerita Mem penuh dengan kehebatan, kesaktian, dan keajaiban tentang Dewa Keling yang membimbing Rentap dan menurunkan kesaktian kepadanya. Jong memanfaatkan peranan penglipur lara melalui watak Mem dengan cukup teliti untuk memberikan kesan terhadap teknik penceritaan dalam novel ini.

Kisah Dewa Keling memperkasakan Rentap sarat dengan mitos yang bergomol dengan keajaiban dan penerokaan dalam dunia fantasi dewa-dewa. Pemeriksaan Rentap dilakukan oleh Dewa Keling, Nenek Andan dan Gelayan yang merupakan watak bukan manusia yang muncul dalam masa tujuh hari setelah kelahiran Rentap. Dalam kisah ini, Puteri Pelanduk muncul dan menyusukan Rentap yang kelaparan. Nenek Andan dapat menurunkan hujan setelah membaca mantera *Sebungkok*, lalu mereka bertiga bersama-sama dengan Rentap yang masih bayi berjalan di atas belakang buaya yang hidup di dalam tasik yang dikeringkan oleh *petara* (dewa). Mereka turut terperangkap dalam ancaman binatang buas yang menyerupai manusia ketika mencari batu empias dan terjatuh di atas paku pakis gergasi lalu bertembung dengan gergasi Buga Setua Tui. Si bayi Rentap diberi makan muntah gergasi kerana di dalam muntah ada batu empias. Batu ratoi pula dimuntahkan oleh ular di rumah panjang.

Unsur mitos turut memerikan keajaiban sawah padi kepunyaan Imbong dan Ningkan, ibu dan bapa Rentap. Selepas Imbong bertemu dengan Dewi Kumang, sawah padi

SEMEMANGNYA, KETIDAKPERCAYAAN BANGSA BARAT TERHADAP "PERADABAN TIMUR" DIASOSIASIKAN DENGAN KETIDAKPERCAYAAN BANGSA BARAT TERHADAP UNSUR MAGIS DAN GHAIB DUNIA TIMUR, SEDANGKAN, SEPERTI DALAM PENCERITAAN NOVEL INI, DUNIA "MIMPI" INI BENAR DAN MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA JATI DIRI BANGSANYA.

mereka menjadi-jadi dan bercahaya keemasan. Kelahiran Libau atau Rentap juga digambarkan atas kehendak para dewa. Beras menjadi harum dan apabila dimasak menjadi sebesar biji jagung. Padi kepunyaan mereka tidak pernah habis dimakan. Keluarbiasaan ini mengemparkan orang rumah panjang, malah Tuai Rumah pengan apabila menyaksikan kejadian nasi sebesar biji jagung.

Apabila dewasa, Rentap bertukar menjadi gergasi dan mengangkat ular besi dan meletaknya di landasan kereta api. Kepala Rentap juga tidak lut apabila Garan cuba membelahnya dengan pedang, sebaliknya Garan yang mati. Rentap turun ke sungai dan muncul bersama-sama buaya dan membesar menjadi gergasi. Kebanyakan yang hadir ketakutan termasuk Tuan Brooke sehingga terkencing apabila Rentap menyentuh kepalanya. Rentap diangkat sebagai pahlawan yang digeruni penjajah walaupun sukar untuk mereka mengakuinya. Penggunaan unsur mitos menggambarkan kebijaksanaan pengarang dalam menerokai unsur tradisi bangsa Timur yang bukan sekadar diwarisi tetapi harus difahami dengan mendalam. Pengarang memperlihatkan kesedaran dan kekuatan menguasai mitos kaum Iban hasil ketekunan dan penelitian jitanya terhadap pembacaan hikayat lama.

Dunia mimpi turut dihadirkan oleh Jong Chian Lai, malah mimpi

merupakan ciri yang dominan dan lumrah dalam karya realisme magis. Mimpi biasanya membawa alamat dan petanda, sama ada baik atau buruk serta mengandungi pelbagai keajaiban sehingga memasuki alam lain, dan dalam novel ini, dunia sebayan. Mimpi tampil melingkari kisah Mem Rosalinda yang sebatang kara tertekan kerana tertantar keseorangan di Gereja St. Anthony. Mem kesal dan pilu kerana anaknya sendiri sukar mengakui dirinya berdarah manusia Timur. Mem juga terkilan kerana melanggar adat sekali gus mengecewakan ibu bapanya. Rasa bersalah Mem kerana menghilangkan khazanah bangsanya membuatkan jiwanya kacau. Mem mengalami kecelaruan, kekalutan, kerusuhan, dan kemurungan, sehingga terbawa-bawa dalam mimpi. Hal ini menyebabkan Mem bermimpi pergi ke dunia sebayan.

Dalam dunia sebayan, Mem bertemu dengan Rentap, kekasihnya. Rentap ditemui di rumah panjang di Kerangan Panggil, sedia menunggu kedatangan Mem. Rentap bertanya Mem tentang khazanah bangsa mereka yang amat berharga danimbang khazanah itu jatuh ke tangan Barat yang pasti memanipulasinya sebagai kepentingan mereka. Mimpi Mem sebenarnya menjadi petanda yang Mem juga akan dijemput ke dunia sebayan (kematian). Hal ini menjadi realiti apabila Mem Rosalinda bermimpi bahawa dia telah dijemput ke dunia sebayan dalam perjalanan pulang ke Kepulauan Borneo.

Watak lain juga diwarnai mimpi yang memberikan rahmat kepada mereka. Imbong bermimpi bertemu Dewi Kumang yang sangat jelita, malah digambarkan lebih jelita daripada pelbagai dewi dalam legenda dan sejarah serata Asia, termasuk Puteri Wong Peh Li dari Tanah Besar China dan Puteri Nagaketsu dari Jepun. Imbong bertemu Dewi Kumang setelah ada suara memanggilnya agar masuk ke dalam pokok kawi. Dewi memberitahu yang Imbong bakal melahirkan anak lelaki yang digelar Rentap dan akan menjadi *ensumbang*, yakni pahlawan yang akan menggoncang dunia. Mimpi Imbong menjadi kenyataan dalam novel ini apabila Rentap menjadi pahlawan agung sehingga menggerunkan orang Inggeris.

Unsur magis, mitos, dan dunia mimpi yang saling berbaur dalam novel ini merupakan metode pengarang untuk mengembar-gemburkan kelebihan, keistimewaan, dan ketinggian kuasa dan gagasan manusia Timur yang sukar dipercayai oleh orang Barat. Mitos dewa dewi yang dilipurkan menggambarkan kekayaan folklor bangsa yang penuh dengan unsur ghaib. Unsur kesaktian dan magis yang sukar diterima akal dan rasional dieksplotasi bagi memperlihatkan kekayaan magis dan kehalusan peradaban manusia Timur. Mungkin juga, unsur ini merupakan suatu reaksi politik antipenjajah pengarang terhadap sejarah. Sememangnya, ketidakpercayaan bangsa Barat terhadap "Peradaban Timur" diasosiasikan dengan ketidakpercayaan bangsa Barat terhadap unsur magis dan ghaib dunia Timur, sedangkan, seperti dalam penceritaan novel ini, dunia "mimpi" ini benar dan menjadi sebahagian daripada jati diri bangsanya. Malah, perspektif bahawa unsur ghaib ini tidak rasional yang digunakan oleh Barat terhadap golongan Timur memaparkan kaedah

Barat memerangkap dan “menawan” minda orang Timur. Orang Timur yang melihat pada mitos dan legenda lamanya sebagai pelik tanpa nilai khazanah sejarah dan bangsa akan terus “tertawan” dalam minda yang sudah dikonstruksikan oleh para penjajahnya.

Sebuah Karya Pascamoden

EMTSA yang beraliran realisme magis merupakan sebuah karya pascamoden yang tidak lagi mementingkan watak tetapi lebih mementingkan pemikiran dan peristiwa. Watak-waktunya sengaja diberikan nafas pemikiran yang baharu. Jong Chian Lai mencitrakan Rentap sebagai manusia yang melakukan pemberontakan dan penentangan dengan menggunakan kebijaksanaan dan kuasa magis. Pengarang melakukan deviasi dengan memberikan makna baharu kepada watak Rentap. Rentap bukan lagi seorang ketua “kaum kecil dari hutan” yang hanya tahu melancarkan serangan dan menggunakan kekerasan menentang Tuan Brooke seperti novel sejarah Jong, *Pemberontakan*, tetapi diberikan kebijaksanaan dan kelicikan ketika berhadapan dengan Tuan Brooke. Pola kebijaksanaan dan perancangan licik Rentap diakui pegawai Inggeris sendiri dalam novel ini:

Pahlawan itu amat bijak. Minda manusia Timur sudah berupaya berinovasi, bervisi, membawa pembangunan, pemahaman sains dan teknologi, dan akan terjadi adaptasi, ciptaan dan reka bentuk pemikiran manusia Barat.

(Jong, 2009:148)

Rentap dilukiskan mempunyai corak pemikiran yang sentiasa memikirkan kemajuan dan

pembangunan kaumnya, namun kaumnya mengangap Rentap sebagai menyeleweng dan menimbulkan kemarahan Dewa Keling. Rentap tidak menghiraukan kemarahan dewa malah semakin giat dengan agenda pemodenan minda untuk kemajuan bangsanya dengan meminta kereta api dan jentera tolak daripada Inggeris sebagai alternatif untuk memajukan bidang pengangkutan lalu memusnahkan hutan serta penunggu yang menyekat kemajuan kaumnya. Tindakan Rentap telah melanggar adat kaumnya sehingga dituduh tidak siaman. Permintaan Rentap dipenuhi oleh Tuan Brooke walaupun mendapat tentangan ahli politik dari Barat.

Pengarang turut mencitrakan watak wanita yang mempunyai pemikiran yang berani dan bijaksana demi kemajuan bangsanya. Rita (yang kemudiannya mengubah namanya menjadi Mem Rosalinda) sanggup melanggar adat rumah panjang dengan mengandungkan anak luar nikah hasil hubungan terlarang dengan seorang pegawai Inggeris sehingga dihalau dari rumah panjang. Rita atau Mem Rosalinda menjadi wanita

Iban pertama yang menjelajah dan berkelana di negara Barat. Tindakan Rita agak berisiko kerana melanggar kepercayaan tradisi kaumnya sendiri. Rita mengadakan deviasi yang melanggar adat sebagai seseorang yang berwawasan apabila Rita menyatakan, “Kaum Iban akan hidup di seluruh ceruk dunia dengan kelahiran bayi ini. Kaum kita akan menjadi bangsa besar, bijak, berani dan yakin. Aku sanggup berkorban demi kaum Iban.” (Jong, 2009: 353). Rita atau Mem Rosalinda dengan sadar memilih asimilasi atau percampuran budaya sebagai jalan kemajuan dan pembangunan kaumnya. Hal ini mungkin terlalu baharu dan bahaya bagi kepercayaan kaum Iban pada masa itu. Rita dilihat akan “ditawan” oleh budaya asing Barat. Hal itu memang berlaku (anaknyanya memilih menjadi bangsa Barat), dan Rita atau Mem Rosalinda hidup keseorangan dan

murung di Gereja St. Anthony. Namun pengarang menyampaikan “deviasi” apabila Rita dapat memasuki alam mimpi dunia sebayang, mengesahkan tindakannya direstui dewa dan nenek moyangnya. Seakan-akan dia tidak pernah meninggalkan jati dirinya walaupun jauh daripada tanah fizikalnya.

Jong Chian Lai sebenarnya menggambarkan watak Rentap dan Rita atau Mem Rosalinda sebagai pengeksploitasi sumber dan ilmu orang Inggeris dengan memperalatkan watak Barat seperti Micheal Leigh untuk menimba pelbagai ilmu bagi pembangunan kaumnya. Rentap dan Rita ialah pengumpul pengalaman. Pengalaman kolektif inilah yang disampaikan melalui alam mimpi, mengajar kembali anak (bangsanya) tentang kemajuan dan kebijaksanaan. Rentap dan Rita menggunakan pengalaman “deviasi” sebagai alat untuk memperkasakan bangsanya kembali.


Deviasi inilah yang menampilkan etnik Iban yang terpinggir, mundur, dan serba kedaifan direkayasa sebagai etnik yang mempunyai kuasa politik kerana berjuang bersungguh-sungguh untuk menempatkan kemajuan fizikalnya dalam arus pembangunan. Penamaan kapal dengan nama “Rentap” kepunyaan cucu Mem, Thomas di Barat meletakkan identiti dan pengaruhnya. Kapal *Rentap* hidup di Barat, mempunyai kru yang terdiri daripada orang putih.

Bagi Mana Sikana (2004: 280), suatu teks pascamoden mempunyai unsur antimodenisme, seperti teks *unreal*, surealistik, absurdistik, semiotik, intertekstual, parodi, realisme magis, polivalensik, dan ironik. EMTSA menampakkan kecenderungan untuk menampilkan terdapat unsur antimodenisme melalui paparan folklor dewa dewi dan interteks *Hikayat*

Keling Gerasi Nading. Unsur *unreal* cerita dibaur dalam dunia mimpi dan dunia sebayang yang sudah sukar untuk dikesan dunia nyata dan tidak nyatanya. Terdapat bisikan tanda dan simbol melalui penggunaan watak haiwan seperti buaya yang melambangkan golongan yang berkuasa, dan penggunaan nama Rentap sebagai tanda warisan dan peninggalan identiti.

Akhirnya, realisme magis EMTSA turut diwarnai unsur parodi apabila memutarbalikkan sejarah melalui peristiwa penjajahan Tuan Brooke di Sarawak dan pemberontakan Rentap terhadap Brooke. Putar balik ini menjadikan Rentap sebagai “penjajah” dan Tuan Brooke “ditawan”. Penilaian baharu ini menyerlahkan gagasan pengarang untuk mengangkat martabat dan kuasa golongan terpinggir, khususnya etnik Iban. Walaupun etnik ini hidup terpinggir tetapi daya dan keinginan untuk maju serta mempertahankan hak sebagai identiti bangsa tetap tersemat dalam sanubari. Masyarakat sebegini mempunyai jati diri kerana mencari inisiatif dan berdaya untuk melonjakkan imej kaumnya dan bangsanya.

Jong Chian Lai yang kaya dengan idea telah memberikan penilaian semula pada sejarah silam dan berani meneroka aliran baharu untuk mengubah paradigma masyarakatnya. Kelahiran EMTSA menempatkan karya ini sebagai teks pascamoden dalam ruang dekonstruksi sejarah silam. Karya ini bukan sahaja memperkayakan khazanah persuratan kebangsaan tetapi memperlihatkan naratif teks yang berbeza daripada ciptaan beliau

yang sebelumnya. Penyulaman dan pambauran unsur yang membina aliran realisme magisnya melambangkan kemampuan manusia Timur untuk berkongsi bersama-sama ketinggian kuasa minda dan kekayaan budaya tradisi mereka kepada dunia. Kehadiran unsur ini menyepadukan teks ini sebagai teks beraliran realisme magis, bersesuaian dengan kemahuan pengarang untuk mengangkat maruah bangsa Timur melalui keunggulan teks pascamoden. 

RUJUKAN

- A. Samad Said, 1987. *Dari Salina ke Langit Petang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adli, 1981. *Sejarah Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Jimmy Donald, 1998. *Hikayat Keling Gerasi Nading*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jong Chian Lai, 2009. *Ensara Marga Timur dari St. Anthony*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana, 2004. *Sastera Melayu Pascamodenisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad, 2002. “Unsur Realisme Magis Melalui Konsep Pencerobohan dalam Karya-karya Awal Gabriel Garcia Marquez” dlm. Lalita Sinha (ed.) *Tradisi dan Moderniti: Kesusasteraan Melintasi Zaman dan Wilayah*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Sohaimi Abdul Aziz, 2002. “Unsur Sejarah dalam Metafiksyen Historiografi: Satu Pemikiran Pascamoden” dlm. Lalita Sinha (ed.) *Tradisi dan Moderniti: Kesusasteraan Melintasi Zaman dan Wilayah*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. “Elemen Realisme Magis dalam Hujan Pagi: Satu Kajian Berdasarkan Novel *One Hundred Years of Solitude* Karya Gabriel Garcia Marquez” dlm. *Dewan Sastera*, hlm. 20-27, Januari 1996.

